



**IKLAN JAWATAN KEKOSONGAN
PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT (KONTRAK) GRED S41
INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (IKLIN)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
(KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA)**

1. BUTIRAN JAWATAN

1.1	Jawatan	:	Pegawai Pembangunan Masyarakat
1.2	Gred Jawatan	:	S41
1.3	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan & Profesional
1.4	Taraf Jawatan	:	Kontrak
1.5	Tempoh Kontrak	:	Minimum 1 Tahun
1.6	Agensi (IKLIN)	:	Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
1.7	Bilangan Kekosongan	:	Satu (01)
1.8	Tempat Kekosongan (IKLIN)	:	Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional

2. JADUAL GAJI : **Jadual Gaji Min Max RM 2,078.00 – RM 9,544.00**

3. ELAUN :

Imbuhan Tetap Perumahan	: RM 300.00
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	: RM 300.00
Bantuan Sara Hidup (BSH/COLA)	: RM 300.00

4. SYARAT LANTIKAN

- 4.1 Warganegara Malaysia.
- 4.2 Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh iklan ditutup;
- 4.3 Ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang sains sosial, kemasyarakatan atau pembangunan manusia yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 4.4 Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. KRITERIA TAMBAHAN

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki pengetahuan dan kemahiran serta ciri-ciri seperti berikut:

- a) Mempunyai latar belakang dalam bidang sains sosial, kemasyarakatan atau pembangunan manusia.
- b) Berpengalaman dalam menjalankan kajian sains sosial dan mahir menggunakan perisian analisis terkini seperti SPSS, SEM dan lain-lain.

6. DESKRIPSI TUGAS

- 1) Merancang program kajian termasuk merekabentuk kajian, pengumpulan data dan penganalisaan maklumat serta penilaiannya ke atas dasar dan program pembangunan negara.
- 2) Mengurus dan memantau projek kajian/penyelidikan dalaman dan luaran di peringkat IKLIN dengan lancar.
- 3) Menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan bagi projek kajian dan menyelaraskan peruntukan projek kajian dengan efisien.
- 4) Menjalankan kerja-kerja soal-selidik, merekod dan mengumpul data-data, menganalisa, menyelidik, menyemak data-data yang telah dikutip dan membantu dalam penyediaan dan penerbitan laporan.
- 5) Menerbit dan menghasilkan laporan kajian, jurnal/buku/bab, buletin akademik dan profesional.
- 6) Membentangkan laporan kajian di semua peringkat.
- 7) Menyelia aspek pelaksanaan aktiviti/ program sokongan penyelidikan sosial dan kemasyarakatan serta pengurusan perpaduan dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara, JPNIN dan agensi-agensi yang berkaitan.
- 8) Memberi latihan dan bimbingan kajian/penyelidikan kepada pegawai-pegawai IKLIN lain.

7. CARA MEMOHON

7.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kontrak yang boleh didapati di pautan <https://www.jpnin.gov.my/ms/pusat-media/manual-borang-pekeliling-iso>

7.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Lantikan dan Kenaikan Pangkat 2005.

7.3 Borang Permohonan lengkap hendaklah disertakan ***gambar terkini (berukuran passport), salinan Kad Pengenalan, salinan sijil kelahiran, salinan kelulusan akademik, salinan kelulusan MQA bagi kursus yang diambil, resume, salinan sijil berhenti sekolah, salinan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan salinan Lesen Memandu sebagai dokumen tambahan serta dokumen sokongan yang berkaitan yang telah DIPERAKUI SAH oleh (Pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan Kumpulan 'A' atau gred 41 ke atas).***

Borang permohonan perlu dihantar ke alamat seperti di berikut :

**PENGARAH
INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL
ARAS 7, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA**

7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 18 Februari 2022 (Jumaat)**

8. PANGGILAN TEMUDUGA

8.1 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak Berjaya.

8.2 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan Jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

9. PERTANYAAN

9.1 Sebarang pertanyaan boleh diajukan ke talian 03-8883 7058 atau emel ke ahmadjazli@perpaduan.gov.my

Tarikh : **8 Februari 2022**